

UTAMA (/) MENGENAI KAMI (/MENGENAI\_KAMI-1) BAKAL PELAJAR (/UPM/BAKAL\_PELAJAR-10)  
 PELAJAR SEMASA (/UPM/PELAJAR\_SEMASA-11) STAF (/UPM/STAF-13) ALUMNI (/UPM/ALUMNI-14)  
 PETA LAMAN (/SITEMAP) MAKLUMBALAS (/MAKLUMBALAS)

Carian.  BM

Selamat Datang Ke Laman Portal  
**Universiti Putra Malaysia**



AKADEMIK (/akademik-15) PENYELIDIKAN (/penyelidikan-3) JARINGAN (/jaringan-16) ANTARABANGSA (/antarabangsa-2)  
 PERKHIDMATAN (/perkhidmatan-19) KEHIDUPAN KAMPUS (/kehidupan\_kampus-18)

(/) » BERITA (/BERITA) » Seronok buat kerja dakwah:  
 Dr Taufiq

Senarai Berita (/berita)

## Seronok buat kerja dakwah: Dr Taufiq

Oleh Azman Zakaria

Foto Noor Azreen Awang



SERDANG, 24 Jan- "Saya seronok melakukan kerja-kerja dakwah, saya mahu memberi penerangan kepada orang ramai dan membantu dalam usaha membetulkan persepsi negatif sebahagian masyarakat terhadap Islam."

Demikian kata-kata Pensyarah di Fakulti Sains, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Dr. Taufiq Yap Yun Hin, penerima Anugerah Maulidur Rasul peringkat kebangsaan baru-baru ini.

Prof. Dr. Taufiq, yang juga Presiden Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA), berkata sekilumit usaha yang dilakukannya itu diharap sekurang-kurangnya dapat membantu sedikit sebanyak dalam memperbaikkan semula imej Islam pada pandangan sebahagian masyarakat.

"Saya amat terharu apabila dipilih sebagai penerima Anugerah Maulidur Rasul," katanya dalam temu bual di sini.

Beliau melahirkan penghargaan kepada UPM kerana UPM adalah institusi pengajian tinggi tempat beliau melanjutkan pelajaran sehingga ke peringkat sarjana sebelum menyambung pengajian Doktor Falsafah (PhD) di Manchester.

### LIHAT JUGA



Menteri Besar Perak kongsi pengalaman 'Kunjungi Bus Experience' (/berita/menteri\_besar\_perak\_kunjungi\_perak\_bus\_experience-37991)



Seronok buat kerja dakwah: Dr Taufiq (/berita/seronok\_buat\_kerja\_dakwah\_dr\_taufiq-37981)



UPM JUARA KESELURUHAN SUKIPT 2018 (/berita/upm\_juara\_keseluruhan\_sukipt\_2018-37925)

- Entiti Kami
- Dokumen
- Tetapan



Universiti Putra Malaysia  
 43400 UPM Serdang  
 Selangor Darul Ehsan

📞 1800 22 5587  
 📞 +603 8948 7273  
 📩 marketing@upm.edu.my (mailto:marketing@upm.edu.my)

Katanya, selepas itu beliau bekerja sebagai pensyarah di UPM bermula 1997 yang membolehkannya menjalankan penyelidikan seterusnya memenangi pelbagai anugerah termasuk di peringkat antarabangsa.

BM

"Pencapaian saya di UPM tentunya juga adalah faktor yang menyumbang kepada pemilihan saya sebagai penerima Anugerah Maulidur Rasul," katanya.

Antara anugerah dan pencapaiannya ialah Anugerah Saintis Muda Negara (2002), Top Research Scientist Malaysia (2013), The Outstanding Young Malaysian Award (2008), Felo Akademi Sains Malaysia (2015), Felo Institut Kimia Malaysia (2009) dan Felo 'Royal Society of Chemistry' United Kingdom (2008).

Prof. Dr. Taufiq yang juga Ketua Pusat Sains Pemungkinan dan Penyelidikan Teknologi Putra (PutraCAT) UPM, berkata melalui penyelidikan di pusat itu, beliau mahu membantu negara memajukan penghasilan bahan api bio (bio-fuel) yang murah dan secara lestari daripada bahan buangan atau biomass.

"Negara kita kaya dengan sumber asli yang boleh menghasilkan 'bio-fuel'... ini boleh menjadi pengganti kepada petroleum yang suatu hari nanti akan habis," katanya yang juga pengasas pusat itu yang ditubuhkan pada 2008.

Sebagai presiden MACMA pula, katanya, persatuan itu turut berperanan sebagai agen dalam memperkuatkan lagi perpaduan kaum di negara ini kerana MACMA yang dianggotai masyarakat Cina Islam memahami budaya Cina sama ada yang tidak bertentangan ataupun yang bertentangan dengan Islam, seterusnya boleh bersama dalam aktiviti masyarakat bukan Islam di negara ini.

Prof. Dr. Taufiq yang lahir pada 1968 di Kota Kinabalu, Sabah berkata, meskipun beliau dan adik beradik tirinya berlainan agama, hubungan kekeluargaan mereka sangat rapat dan saling menghormati agama yang dianuti, dan setiap tahun akan berkumpul makan malam bersama ketika Tahun Baharu Cina.

Katanya, bapanya meninggal dunia ketika beliau dalam kandungan ibunya. Ibunya, Chin Szi Kiaw kemudian berkahwin dan memperoleh tiga anak.

Menurut Prof. Dr. Taufiq, beliau mula 'mencari' Tuhan pada tahun 1983 ketika berada di tingkatan empat Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan All Saints, Kota Kinabalu dan banyak bertanya kepada gurunya, Cikgu Shamsiah Shafie dan rakan-rakan yang beragama Islam.

"Ketika itu saya sudah mula belajar dan menghafal bacaan dalam solat daripada buku-buku dalam tulisan rumi, malah sudah mula bersolat walaupun belum lagi memeluk Islam.

"Sebelum memeluk agama Islam, saya ada bagi 'hint' kepada mak dan kemudian bercerita kepada mak... mak tidak melarang malah memberi sokongan.

"Seminggu sebelum saya memeluk Islam, mak bawa saya ke kedai dan membeli pinggan mangkuk dan kuali untuk kegunaan saya kerana mak faham kuali dan pinggan mangkuk yang mereka gunakan, tidak boleh saya guna," katanya.

Katanya, beliau melafaz kalimah syahadah pada 26 November 1983 di hadapan Ustaz Suhardi tetapi beliau tidak didaftar sebagai beragama Islam kerana ketika itu masih di bawah umur.

"Bapa tiri saya tidak mengetahui saya telah memeluk agama Islam tetapi kemudian mula dapat merasakan perbezaan itu ketika makan malam bersama apabila mula tertanya-tanya mengapa makanan dimasak berasingan dan menggunakan pinggan mangkuk yang berasingan untuk saya," katanya.



Prof. Dr. Taufiq berkata, bapa tirinya itu mendapat tahu beliau memeluk agama Islam daripada guru sekolah, dan bapa tirinya itu tidak melarangnya.

"Pada 1985 bapa tiri saya sakit dan dimasukkan ke Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu dan dia mengucapkan syahadah di depan saya pada 1 Mei 1985, iaitu tiga hari sebelum meninggal dunia," katanya sambil menambah kata bahawa nama bapa tirinya selepas memeluk Islam ialah Abdullah.

Pada Jun 1987, katanya, ibunya bermimpi bahawa suaminya itu telah sah memeluk Islam, lantas keesokan harinya ibunya bersama adik tiri perempuannya terus mengucapkan kalimah syahadah dan memeluk Islam.

Ibunya memilih nama Aishah, manakala adik tirinya Norain Lim.

"Sebelum itu, ibu saya sukar untuk memeluk agama Islam dan memberi pelbagai alasan tetapi mimpi itu menjadi asbab membuka pintu hatinya untuk memeluk Islam," katanya.

Katanya, dua lagi adik tirinya tidak beragama Islam, namun hubungan mereka sebagai adik beradik dan bersama ibu tetap kukuh.

"Ketika Tahun Baharu Cina kami berkumpul dan makan bersama," katanya.

Prof. Dr. Taufiq juga adalah tetamu Radio IKIM dalam ruangan 'Islam Agamaku' pada 2015 dan 2016, manakala pada 2017 dan 2018 adalah tetamu program 'Kembali Fitrah' terbitan TV Alhijrah. - UPM

Kemaskini:: 15/02/2018 [syifarida]

#### PERKONGSIAN MEDIA

([https://www.addtoany.com/share?url=http%3A%2F%2Fwww.upm.edu.my%2Fberita%2Fseronok\\_buat\\_kerja\\_dakwah\\_dr\\_taufiq-37981&title=Seronok%20Buat%20Kerja%20Dakwah%3A%20Dr%20Taufiq%20%7C%20Universiti%20Putra%20Malaysia](https://www.addtoany.com/share?url=http%3A%2F%2Fwww.upm.edu.my%2Fberita%2Fseronok_buat_kerja_dakwah_dr_taufiq-37981&title=Seronok%20Buat%20Kerja%20Dakwah%3A%20Dr%20Taufiq%20%7C%20Universiti%20Putra%20Malaysia))  
 (/#facebook)    (/#twitter)    (/#google\_plus)  
 (/#linkedin)    (/#email)    (/#copy\_link)  
 (/#wordpress)    (/#print)

BM

-  Entiti Kami
-  Dokumen
-  Newsletter
-  Tetapan

#### HUBUNGI KAMI

Universiti Putra Malaysia  
43400 UPM Serdang  
Selangor Darul Ehsan  
MALAYSIA  
  
 ☎ 1800 22 5587  
 ☎ +603 8948 7273  
 📩 marketing@upm.edu.my

#### PERKHIDMATAN DALAM TALIAN

Sistem Permohonan ke Luar Negara (<http://spin.upm.edu.my>)  
 Sistem Ilmu Sumber Manusia (SISMAN) (<http://www.sisman.upm.edu.my>)  
 KM Portal (<http://km.upm.edu.my/kmportalthub/portal/render.action?method=home>)  
 Jawatan Kosong (<http://spj.upm.edu.my/>)  
 Sistem Baik Pulih ICT (<http://zonict.upm.edu.my/>)  
 Putra Learning Hub (<http://learninghub.upm.edu.my/>)  
 Sistem Pengurusan Perubatan (<http://regmedic.upm.edu.my/>)  
 Sistem E-Claim (<http://eclaims.upm.edu.my/login/>)  
 i-GIMS (staf) (<http://www.sps.upm.edu.my:8080/gims/index.jsp>)  
 i-GIMS (pelajar pascasiswazah) (<http://sgsportal.upm.edu.my/j2ee/portal/login.jsp>)  
 Sistem Maklumat Pelajar (pelajar prasiswazah) (<http://smp.upm.edu.my/smp/action/security/loginSmpSetup>)

#### PAUTAN LUAR

Kementerian Pendidikan Malaysia (<http://www.moe.gov.my/>)  
 Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) (<http://www.ptptn.gov.my>)  
 1Malaysia (<http://www.1malaysia.com.my>)  
 Multimedia Super Corridor (<http://www.mscmalaysia.my>)  
 Portal myGovernment (<https://www.mygov.gov.my/en/home>)  
 Agenzia Kelayakan Malaysia (<http://www.mqa.gov.my>)

#### PAUTAN PANTAS

FAKULTI / PTJ / PENTADBIRAN (/entiti)  
 Statistik Transaksi Laman Web (<http://www.upm.edu.my>)  
 Tender & Kontrak (<http://etender.upm.edu.my>)  
 Laporan Piagam Pelanggan ([http://www.upm.edu.my/mengenai\\_kami/n8202](http://www.upm.edu.my/mengenai_kami/n8202))  
 Dasar UPM (<http://www.pnc.upm.edu.my/D>)  
 Sistem Pengurusan ISO (<http://reg.upm.edu.my>)  
 Dana Wakaf Ilmu (<http://www.wazan.upm.edu.my>)  
 Penerbitan UPM (<http://www.upm.edu.my/k>)  
 Poliklinik Putra Medik (<http://www.upm.edu.my/kandungan/Poliklinik>)  
 Takwim UPM 2018 (<http://www.upm.edu.my/upload/dokumen/2018.pdf>)



